

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan Yang Dihormati,

Risalah Pemberitahuan Produk (PDS) ini bertujuan untuk memberikan anda maklumat yang penting mengenai insurans empunya rumah/isi rumah anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga harus membacanya.**

**PACIFIC
INSURANCE**

A member of the Fairfax Group

Maklumat yang terkandung di dalam Risalah Pemberitahuan Produk ini adalah sah dari 1 Januari 2026.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah Insurans HomeInsure Pro?

Insurans HomeInsure Pro menyediakan perlindungan untuk Bangunan dan/atau Isi Kandungan rumah anda dan ia melindungi kerugian atau kerosakan akibat kebakaran, kilat, letupan, banjir, pecah atau limpahan tangki air domestik, peralatan atau paip atau oleh sebarang peril yang dinyatakan dalam polisi insurans.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, bagi sebuah rumah kediaman persendirian bertanah dengan jumlah diinsuranskan sebanyak RM500,000 (atas Bangunan – pembinaan Kelas 1A) dan RM100,000 (atas Isi Kandungan), dengan bayaran sebanyak RM706.40 setahun (tidak termasuk Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem yang berkenaan), anda akan mendapat perlindungan Insurans HomeInsure Pro berikut:

Polisi ini melindungi:	Polisi ini mengecualikan:
Kerugian atau kerosakan ke atas Bangunan dan/atau Isi Kandungan anda akibat: • kebakaran, kilat dan letupan disebabkan oleh gas yang digunakan untuk tujuan domestik • Kerugian atau kerosakan akibat pesawat, hentaman oleh kenderaan jalan raya atau binatang, pecah atau limpahan tangki air domestik, peralatan atau paip air • Hurikan, siklon, taufan, ribut angin, gempa bumi, letupan gunung berapi • Banjir • Rusuhan, mogok dan kerosakan berniat jahat • Rompakan, samun, atau kecurian disertai dengan pecah masuk atau keluar dari Bangunan • Liabiliti persendirian – sehingga RM250,000 • Pampasan untuk kematian – RM50,000 • Manfaat perkabungan – RM5,000 • Elaun kesulitan – sehingga RM3,000 • Kerosakan cermin – sehingga RM500 setiap keping* • Isi kandungan yang dikeluarkan secara sementara dari Bangunan – sehingga 15% daripada jumlah diinsuranskan keseluruhan ke atas Isi Kandungan* • Kerugian sewa – sehingga 10% daripada jumlah diinsuranskan keseluruhan <i>*Terpakai untuk polisi Empunya Isi Rumah (Isi Kandungan) sahaja.</i>	• Kerugian atau kerosakan akibat peperangan, keganasan dan pemberontakan • Pemberhentian kerja atau harta benda dirampas, disita atau dimusnahkan oleh mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa tempatan • Harta melalui penapaian, kepanasan semula jadi atau kebakaran spontan atau melalui sebarang proses pemanasan atau pengeringan harta benda tersebut • Risiko nuklear • Apa-apa jenis kerugian turutan atau kerosakan kecuali insurans sewa • Kerosakan kaca di konservatori, rumah hijau, atau Bangunan luaran • Kerugian atau kerosakan yang timbul daripada haus dan lusuh, penyusutan beransur-ansur, susut nilai, kerosakan mekanikal atau elektrik • Sebarang lebihan yang berkenaan <i>Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian.</i>

Dengan membayar premium tambahan, anda boleh memperluaskan perlindungan untuk merangkumi perlindungan tambahan berikut:

- Insurans Sewa Tambah Nilai
- Platform Aplikasi Perkongsian Rumah
- Perlanjutan Tuan Tanah
- Kerosakan Impak Sendiri
- Penenggelaman dan Tanah Runtuh
- Rompakan, Samun atau Kecurian tanpa pecah masuk atau keluar dari Bangunan
- Perlindungan Gadai Janji
- Perlindungan Pembelian Tiga Puluh (30) Hari
- Perubahan, Pembaikan dan Penambahan kepada Bangunan
- Perlanjutan Kemalangan Diri Seluruh Dunia
- Perluasan Kerosakan Tangki, Peralatan atau Paip Air
- Pendapatan Kemasukan Hospital akibat COVID-19 atau Demam Denggi
- Perlanjutan Tambahan Tuan Tanah (terpakai untuk Bangunan sahaja)

Tempoh perlindungan adalah selama 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai insurans kemalangan diri, anda boleh:



Hubungi kami di
+603-2633 8999



Lawati laman sesawang kami di:
The Pacific Insurance Berhad



E-mel kami di:
customerservice@pacificinsurance.com.my

3. Ketahui Kewajipan Anda

Bagi Insurans Empunya Rumah/Isi Rumah ini, anda dikehendaki membayar premium sebanyak:

Perlindungan Standard	RM706.40 setahun
Perlindungan Tambahan	1. Perlanjutan Kemalangan Diri Seluruh Dunia (RM35.00 untuk had perlindungan sehingga RM100,000) 2. Perluasan Kerosakan Tangki, Peralatan atau Paip Air (RM18.00 untuk had perlindungan sehingga RM1,000)
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah RM759.40 .	

Anda juga dikehendaki membayar kos dan caj berikut:

Duti Setem	RM10.00 (layak mendapat pengecualian sehingga 31 Disember 2028 dengan syarat jika pemegang polisi adalah seorang individu, dan premium kasar tahunan tidak melebihi RM150; atau ialah MSME dengan syarat sijil MSME yang sah mesti diserahkan, dan premium kasar tahunan tidak melebihi RM250)
Komisen	15% daripada premium atau RM113.91 (termasuk dalam jumlah premium)
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM60.75

4. Terma-terma penting yang lain

- Anda perlu memberikan maklumat yang lengkap dan tepat di dalam borang permohonan.
- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada The Pacific Insurance Berhad tentang sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan atau butiran peribadi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Bagi polisi Empunya Rumah (Bangunan):
 - (a) Anda mesti memastikan bahawa harta anda diinsuranskan pada jumlah yang sesuai dengan mengambil kira pengubahsuaian yang telah dibuat kepada harta tersebut.
 - (b) Jumlah diinsuranskan keseluruhan hendaklah meliputi kos pembinaan semula harta sekiranya berlaku kerugian atau kerosakan.
- Bagi polisi Empunya Isi Rumah (Isi Kandungan Rumah):
 - (a) Jumlah diinsuranskan keseluruhan hendaklah mewakili nilai penuh bagi semua barangan isi rumah.
 - (b) Tidak ada satu barang pun (tidak termasuk perabut, pianos, organ, peralatan rumahtangga, radio, set televisyen, set perakam video, peralatan Hi-Fi) hendaklah mempunyai nilai lebih besar daripada 5% daripada jumlah diinsuranskan keseluruhan ke atas Isi Kandungan rumah, kecuali barangan sedemikian secara khusus diisytiharkan sebagai butiran yang berasingan.
 - (c) Jumlah keseluruhan bagi barangan platinum, emas dan perak, barang kemas dan bulu binatang tidak boleh melebihi satu pertiga daripada jumlah diinsuranskan keseluruhan ke atas Isi Kandungan rumah.
- Anda perlu mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan aktiviti peribadi anda.
- Premium yang perlu dibayar kepada kami mesti dijelaskan dan diterima oleh kami dalam masa 60 hari dari tarikh bermulanya polisi/endorsemen/sijil pembaharuan.
- Anda hendaklah dengan segera memberitahu kami secara bertulis mengenai apa-apa kerugian atau kerosakan dan:
 - (a) dalam tempoh 30 hari selepas kejadian dan atas perbelanjaan anda sendiri, menyerahkan kepada kami tuntutan secara bertulis dengan mengemukakan butir-butir terperinci dan bukti-bukti munasabah sebagaimana yang kami perlukan;
 - (b) bagi kerugian dan kerosakan yang disebabkan oleh kecurian atau percubaan mencuri, anda mestilah membuat laporan polis dengan segera.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

5. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi notis secara bertulis kepada kami. Anda berhak untuk mendapat bayaran balik premium setelah kami caj kepada Anda berdasarkan kadar jangka pendek yang lazim atau premium minimum yang harus dibayar di bawah polisi ini, yang mana lebih tinggi.

Kami juga boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi anda notis tujuh hari secara bertulis dan akan memulangkan premium secara pro rata untuk tempoh insurans yang belum tamat.

Jika anda mempunyai sebarang aduan, sila hubungi kami di:

Unit Pengawasan Aduan

40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)

Tel: +603-2633 8999 Faks: +603-2633 8998 Emel: customerservice@pacificinsurance.com.my

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan maklum balas kami, anda boleh menghubungi pihak berikut:

(a) Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) Bank Negara Malaysia

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur

Tel: 1-300-88-5465 Faks: +603-2174 1515 Borang Sesawang: bnm.gov.my/BNMLINK

(b) Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur

Tel: +603-2272 2811 Laman Sesawang: www.fmos.org.my

Lampiran

Manfaat Asas

HURAIAN KEJADIAN YANG DIINSURANSKAN / MANFAAT		HOMEINSURE PRO
PERLINDUNGAN SEDIA-ADA / STANDARD (dengan lebih dikecualikan)		
SEKSYEN 1 – KEBAKARAN & RISIKO LAIN		
1.1	Kerugian atau kerosakan akibat kebakaran, kilat, petir, kebakaran bawah tanah	Sama dengan dasar tarif Empunya Rumah/Isi Rumah
1.2	Kerugian atau kerosakan akibat letupan	Sama dengan dasar tarif Empunya Rumah/Isi Rumah
1.3	Kerugian atau kerosakan akibat pesawat dan peranti udara yang lain dan/atau benda yang gugur	Sama dengan dasar tarif Empunya Rumah/Isi Rumah
1.4	Kerugian atau kerosakan akibat hentaman yang tidak disebabkan oleh anda, keluarga anda, penghuni rumah anda, ejen atau pembantu rumah	Termasuk perlindungan bagi kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa sumber dari luar kawasan Bangunan
1.5	Kerugian atau kerosakan akibat pecahan atau limpahan air dari tangki domestik, peralatan atau paip air rumah	Sama dengan dasar tarif Empunya Rumah/Isi Rumah tetapi tanpa lebihan
1.6	Kerugian atau kerosakan akibat ribut hurikan, siklon, taufan, ribut angin	Sama dengan dasar tarif Empunya Rumah/Isi Rumah dengan perlindungan tambahan untuk lekapan & lengkapan dipasang di luar
1.7	Kerugian atau kerosakan akibat gempa bumi, letusan gunung berapi	Sama dengan dasar tarif Empunya Rumah/Isi Rumah tetapi tanpa lebihan
1.8	Kerugian atau kerosakan akibat banjir	Sama dengan dasar tarif Empunya Rumah/Isi Rumah tetapi tanpa lebihan
1.9	Kerugian atau kerosakan akibat rusuhan, mogok dan kerosakan niat jahat	Sama dengan dasar tarif Empunya Rumah/Isi Rumah
SEKSYEN 2 – KECURIAN & RISIKO BERKAITAN		
2.1	Kerugian atau kerosakan akibat rompakan, samun atau kecurian (Dari pecah masuk atau keluar dari Bangunan)	Sama dengan dasar tarif Empunya Rumah/Isi Rumah dan termasuk kerugian wang sehingga RM1,000
SEKSYEN 3 – LIABILITI PERSENDIRIAN		
3.1	Liabiliti akibat kemalangan di dalam Bangunan	Sama dengan dasar tarif Empunya Rumah/Isi Rumah tetapi termasuk perlindungan untuk penghuni rumah, dan had tanggungan lebih tinggi iaitu RM250,000
SEKSYEN 4 – KEMALANGAN DIRI		
4.1	Pampasan untuk kematian akibat risiko yang diinsuranskan	Had pampasan yang lebih tinggi sebanyak RM50,000 berbanding dengan tarif
4.2	Manfaat perkabungan pihak diinsuranskan akibat kematian	Manfaat perkabungan sekiranya berlaku kematian pihak yang diinsuranskan – RM5,000 (dibahagikan sama rata antara penama yang diinsuranskan)
SEKSYEN 5 - MANFAAT PELBAGAI		
5.1	Sehingga RM3,000 elaun kesulitan untuk kos: (i) Laporan bomba (ii) Caj bomba (iii) Elaun bantuan/pembersih domestik rumah (iv) Kos penggantian balik dokumen undang-undang	Elaun kesulitan menangani kos-kos yang tidak dapat dielakkan
5.2	Sehingga RM500 untuk kerosakan kepada cermin (<i>Tidak termasuk cermin bimbit</i>)	Sama dengan dasar tarif Empunya Rumah/Isi Rumah
5.3	Sehingga 15% daripada jumlah diinsuranskan ke atas Isi Kandungan untuk pemindahan sementara ke luar Bangunan	Sama dengan dasar tarif Empunya Rumah/Isi Rumah
5.4	Sehingga 10% daripada jumlah diinsuranskan untuk insurans sewa (<i>Untuk kehilangan sewa atau penginapan alternatif</i>)	Sama dengan dasar tarif Empunya Rumah/Isi Rumah

Perlindungan/Perlanjutan Tambahan

1. Insurans Sewa Tambah Nilai

Diperluaskan dengan tambahan had sewa sedia ada seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 5.4 – Insurans Sewa.

- Kadar Premium: Berdasarkan % jumlah diinsuranskan ke atas Bangunan dan/atau Isi Kandungan

2. Platform Aplikasi Perkongsian Rumah

Diperluaskan untuk melindungi kerugian atau kerosakan Bangunan dan/atau Isi Kandungan daripada kerosakan berniat jahat yang disebabkan oleh tetamu, sehingga RM10,000.

- Kadar Premium: 0.0862% daripada jumlah diinsuranskan keseluruhan ke atas Bangunan dan/atau Isi Kandungan

3. Perlanjutan Tuan Tanah

Diperluaskan untuk melindungi kerosakan akibat niat jahat oleh penyewa rumah (sehingga jumlah diinsuranskan ke atas Bangunan dan/atau Isi Kandungan) dan yuran guaman (sehingga RM1,000) untuk mengeluarkan surat tuntutan sewa tertunggak yang ditanggung dalam tempoh polisi anda.

- Kadar Premium: 0.0636% daripada jumlah diinsuranskan keseluruhan ke atas Bangunan dan/atau Isi Kandungan

4. Kerosakan Impak Sendiri

Diperluaskan untuk melindungi kerugian atau kerosakan di bawah Seksyen 1.4 – Kerosakan Impak daripada Punca Luaran, termasuk sebarang tindakan tidak sengaja yang disebabkan oleh anda, keluarga anda, penghuni rumah, ejen atau pembantu anda, sehingga jumlah diinsuranskan ke atas Bangunan dan/atau Isi Kandungan.

- Kadar Premium: 0.0036% daripada jumlah diinsuranskan keseluruhan ke atas Bangunan dan/atau Isi Kandungan

5. Penenggelaman dan Tanah Runtuh

Diperluaskan untuk melindungi kerugian atau kerosakan di bawah Seksyen 1 – Kebakaran & Risiko Lain, termasuk penenggelaman dan tanah runtuh yang disebabkan oleh penenggelaman dan/atau penurunan tapak bangunan, atau tanah runtuh, sehingga jumlah diinsuranskan ke atas Bangunan dan/atau Isi Kandungan.

(Lebih: 5% daripada jumlah diinsuranskan atau RM25,000, yang mana lebih rendah)

- Kadar Premium: 0.0567% daripada jumlah diinsuranskan keseluruhan ke atas Bangunan dan/atau Isi Kandungan

6. Rompakan, Samun atau Kecurian tanpa pecah masuk atau keluar dari Bangunan

Diperluaskan untuk melindungi rompakan, penahanan atau kecurian, yang tidak disertai dengan memecah masuk atau keluar dari Bangunan.

- Kadar Premium: 0.25% daripada jumlah diinsuranskan keseluruhan ke atas Bangunan dan/atau Isi Kandungan

7. Perlindungan Gadai Janji

(i) Bayaran Ansuran Gadai Janji Bulanan

- ❖ Diperluaskan untuk melindungi pembayaran balik gadai janji bulanan atau jumlah pembiayaan, sehingga RM3,000 sebulan selama 6 bulan, sekiranya premis yang diinsuranskan tidak dapat didiami sementara akibat kejadian yang diinsuranskan.

(ii) Kematian akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal Menyeluruh

- ❖ Diperluaskan untuk melindungi jumlah gadai janji sehingga 10% daripada jumlah diinsuranskan ke atas Bangunan atau RM250,000, yang mana yang lebih rendah, sekiranya pihak diinsuranskan mengalami kematian akibat kemalangan atau hilang upaya keseluruhan kekal akibat kejadian yang diinsuranskan yang berlaku di dalam Bangunan.

- Kadar Premium: 0.0353% daripada jumlah diinsuranskan keseluruhan ke atas Bangunan

8. Perlindungan Pembelian Tiga Puluh (30) Hari

Diperluaskan untuk melindungi pembelian terkini barangan rumah atau barangan peribadi (tidak termasuk wang dan tunai) oleh pihak diinsuranskan, sehingga 5% daripada jumlah diinsuranskan ke atas Isi Kandungan atau RM5,000, yang mana lebih rendah, sekiranya berlaku kerugian atau kerosakan akibat kejadian yang diinsuranskan yang berlaku dalam tempoh 30 hari dari tarikh pembelian, ketika berada di dalam Bangunan yang diinsuranskan.

- Kadar Premium: 0.0238% (berdasarkan 5% daripada jumlah diinsuranskan keseluruhan ke atas Isi Kandungan atau RM5,000 yang mana lebih rendah)

9. Perubahan, Pembaikan dan Penambahan kepada Bangunan

Perlindungan berkenaan dengan pengubahsuaian, pembaikan dan penambahan yang dilakukan ke atas Bangunan yang diinsuranskan, sehingga 25% daripada jumlah keseluruhan yang diinsuranskan ke atas Bangunan.

- Kadar Premium: Kadar asas x jumlah diinsuranskan tambahan ke atas Bangunan

10. Perlanjutan Kemalangan Diri Seluruh Dunia

Diperluaskan untuk melindungi kematian dan hilang upaya kekal akibat kecederaan yang disebabkan semata-mata oleh kemalangan. Umur yang layak adalah antara 18 dan 70 tahun pada masa permulaan Perlanjutan ini.

- Kadar Premium: 0.035% daripada jumlah diinsuranskan (jumlah diinsuranskan maksimum: RM500,000)

11. Perluasan Kerosakan Tangki, Peralatan atau Paip Air

Diperluaskan untuk melindungi kos pembaikan atau penggantian tangki, peralatan atau paip air yang rosak dan kos munasabah yang ditanggung untuk memecah dan/atau menampal dinding di sekeliling paip air, tangki atau peralatan yang terjejas.

- Had Perlindungan dan Premium seperti berikut:

Had Perlindungan (RM)	Premium (RM)
1,000	18.00
2,000	27.00
3,000	34.00
4,000	41.00
5,000	45.00

12. Pendapatan Kemasukan Hospital akibat COVID-19 atau Demam Denggi

Diperluaskan untuk pendapatan kemasukan hospital harian sehingga 14 hari, elaun kesusahan dan kos pembasmian kuman akibat COVID-19 atau demam denggi.

- Had Perlindungan dan Premium seperti berikut:

Manfaat		Had Perlindungan (RM)			
		Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan Keluarga (Setiap Orang)
1.	Pendapatan Hospital Harian (setiap orang) (Maksimum sehingga 14 hari setiap tempoh insurans)	200	300	500	250
2.	Elaun Kesusahan apabila tempoh kemasukan ke hospital melebihi 30 hari secara berterusan (setiap kejadian)	2,000	3,000	4,000	3,000
3.	Kos yang ditanggung untuk Pembasmian Kuman bagi Bangunan yang Diinsuranskan akibat COVID-19 (berasaskan pembayaran balik) (setiap kejadian)	3,000	5,000	10,000	10,000
Premium (RM)		88.00	138.00	238.00	338.00 (sehingga 4 orang) 84.50 (tambahan orang)

13. Perlanjutan Tambahan Tuan Tanah (terpakai untuk Bangunan sahaja)

Diperluaskan untuk menyediakan perlindungan terhadap mana-mana Penyewa yang Melarikan Diri.

- Had Perlindungan dan Premium seperti berikut:

Manfaat		Had Perlindungan (RM)		
		Pelan A	Pelan B	Pelan C
SEKSYEN A: KEGAGALAN MEMBAYAR SEWA				
A.1	Kehilangan pendapatan sewa akibat penyewa yang melarikan diri (yang mana lebih rendah antara had bulanan atau sewa bulanan yang dinyatakan dalam Perjanjian Sewa sehingga maksimum 2 bulan sewa)	1,500 setiap bulan	2,500 setiap bulan	5,000 setiap bulan
A.2	Pembayaran balik kos guaman untuk mengeluarkan surat tuntutan bagi kehilangan pendapatan sewa anda yang terhutang daripada penyewa yang melarikan diri	500	750	1,000
SEKSYEN B: MANFAAT TAMBAHAN YANG DILINDUNGI				
B.1	Kos pembaikan atau penggantian berkenaan dengan kerugian atau kerosakan kepada harta yang diinsuranskan yang disebabkan secara langsung oleh tindakan berniat jahat penyewa yang melarikan diri tertakluk kepada had tahunan pelan yang dipilih	4,000	6,000	8,000
B.2	Kecurian atau pecah masuk sebahagian atau keseluruhan harta yang diinsuranskan oleh penyewa yang melarikan diri	1,000	1,500	2,000
B.3	Bil utiliti tertunggak untuk bil air dan elektrik yang ditanggung oleh penyewa yang melarikan diri yang menjadi tanggungjawab anda	250	500	1,000
Premium (RM)		375.42	590.10	860.31